

07 OCT 2003

Mahathir-Perpisahan

PRINSIP TIDAK CAMPUR TANGAN MESTI DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perpisahannya kepada Asean menyeru perkumpulan serantau itu supaya terus berpegang kepada prinsip tidak campur tangan.

"Prinsip tidak campurtangan, keputusan melalui kata sepakat, menghormati kedaulatan negara anggota, menolak ancaman atau penggunaan kekerasan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat dan pertikaian, mesti terus dipegang oleh negara-negara Asean," katanya.

Semasa bercakap di majlis perpisahan selepas majlis menandatangani perjanjian "Bali Concord II" yang bersejarah, hari ini, Dr Mahathir berkata semasa Asean melangkah ke depan, negara-negara anggota tidak harus mengetepikan atau melupakan prinsip yang selama ini mengikat mereka.

Beliau berkata, sementara Asean telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan, ia tidak harus berpuas hati dengan apa yang ada, dan menekankan bahawa mereka perlu "tangani cabaran mereka dengan tepat."

"Untuk menangani cabaran-cabaran ini, kita memerlukan keazaman politik dan komitmen untuk terus mengembangkan Asean menjadikannya masyarakat Asean," kata beliau.

"Di sini kita boleh mengambil iktibar daripada proses yang akhirnya membawa kepada pembentukan Kesatuan Eropah," katanya.

Malaysia sebagai antara negara pengasas Asean, kekal komited sepenuhnya kepada perkumpulan itu dan menyatakan keyakinan mereka bahawa Asean akan terus menjadi tanda aras dasar luar Malaysia.

Dr Mahathir, yang terharu dengan kata-kata Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, menyifatkan majlis perpisahan itu dan penghargaan yang ditunjukkan oleh Asean kepadanya sebagai satu penghormatan besar.

"Untuk diberi penghormatan besar oleh rakan-rakan seperjuangan di Asean ia sebenarnya sesuatu yang istimewa," katanya.

Dr Mahathir berkata, memandangkan beliau akan bersara selepas berkhidmat selama 22 tahun, beliau menyatakan terima kasih kepada rakan-rakannya dalam Asean kerana sokongan, bantuan dan persahabatan yang dihulurkan mereka.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak Asean kesembilan berkata beliau mendapat peluang menghadiri kebanyakan daripada mesyuarat Asean dan sepanjang tempoh itu telah menyaksikan banyak perubahan dalam perkumpulan itu.

"Asean terdiri daripada seluruh Asia Tenggara dan ia satu-satunya pertubuhan serantau yang paling berjaya.

"Walaupun pada tahun-tahun awalnya, Asean dianggap sebagai pertubuhan yang tidak relevan, kita telah membuktikan bahawa kita masih relevan.

"Jika tidak bagaimana kita boleh jelaskan kesediaan negara-negara timur laut Asia dan selatan Asia untuk mengadakan dialog bersama kita. Sebenarnya ramai di luar rantau telah menyatakan hasrat mereka untuk menganggotai Asean," katanya.

Beliau berkata, sementara Asean kekal terbuka dan progresif, ia mesti terus mendalamkan hubungannya bersama Asia Timur.

Beliau berkata, satu Masyarakat Asia Timur, dengan Asean sebagai terasnya, tidak dapat dielakkan dan adalah penting Asean memainkan peranannya dalam mendorong kerjasama ini dalam arah yang betul.

Dalam kata-kata perpisahan kepada rakan-rakan Asean, Dr Mahathir mengucapkan selamat maju jaya dalam menjalankan tanggungjawab mereka dan

menyatakan harapan beliau yang Asean akan terus berkembang demi manfaat penduduk rantau itu dan juga dunia.

-- BERNAMA

SS OPP AHH PR